



BPH
BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL HTAR

SELF ePORTER SYSTEM

*Porters at Your Fingertips – Cutting Delays,
Boosting Efficiency, Transforming Care.*



BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL

HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH
JALAN LANGAT,
41200 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
1. Pengenalan	3
2. Ahli Jawatankuasa	3
3. Penerangan Hasil Inovasi	
3.1 Ringkasan Hasil Inovasi	3-4
3.2 Tarikh Inovasi Dihasilkan	4
3.3 Tujuan Projek Inovasi	4-5
3.4 Proses Perlaksanaan Inovasi	5
3.5 Proses Sebelum dan Selepas	5-7
3.6 Elemen Penurunan Kuasa	7
3.7 Kumpulan Sasar dan Skop Liputan	7
3.8 Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar	
3.8.1 Elemen Inovatif / Kreatif	
3.8.1.1 Penciptaan Nilai / Elemen Baru / Tambah Baik	8
3.8.1.2 Elemen Mempermudahkan	8
3.8.2 Elemen Keberkesanan	
3.8.2.1 Gambar Faedah Yang Nyata Di Perolehi	9
3.8.2.2 Peningkatan Produktiviti / Kepuasan	10
3.8.2.3 Penjanaan Pendapatan	10
3.8.3 Elemen Signifikan	
3.8.3.1 Perkhidmatan Boleh Mesra Pelanggan	10
3.8.3.2 Penjimatan Masa / Kos / Sumber Manusia	10-11
3.8.3.3 Sejauh Mana Memenuhi Objektif	11
3.8.4 Elemen Relevan	
3.8.4.1 Sumbangan Kepada Agenda Organisasi	11
3.9 Pengiktirafan Diterima	12
3.10 Gambar-Gambar Berkaitan	12
3.11 Implikasi Kewangan	13
3.12 Lampiran	
3.12.1 Statistik <i>Porter</i> sebelum inovasi	13
3.12.2 Statistik <i>Porter</i> selepas inovasi	13
3.12.3 Laporan kajian kepuasan pelanggan	14-16
3.12.4 Statistik tugas yang diterima mengikut individu	17
3.12.5 Laporan masa diambil petugas <i>Porter</i> sebelum	18
3.12.6 Laporan masa diambil petugas <i>Porter</i> selepas	19
3.12.7 Pautan video <i>Self ePorter System</i>	20
4.0 Penutup	20

Tajuk Inovasi : *Self ePorter System (SePS)*

Nama Jabatan / Agensi / Institusi : Bahagian Penyeliaan Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang

1. Pengenalan

Perkhidmatan **Unit Porter Berpusat** merupakan inisiatif pihak pengurusan Hospital bagi membantu melancarkan perkhidmatan yang diberikan oleh Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) akibat kekangan Pembantu Perawatan Kesihatan di peringkat Hospital. Perkhidmatan yang disediakan ini adalah untuk membantu dalam melancarkan proses menghantar dan mengambil pesakit di dalam wad yang memerlukan perkhidmatan lanjutan atau rujukan ke Jabatan, Unit, dan Wad di dalam Hospital ini. Jabatan, Unit, dan Wad yang terlibat adalah Wad Perubatan, Wad Ortopedik, Wad Pembedahan, Wad Pediatrik dan Wad Obstetrik dan Ginekologi. Petugas *Porter* seramai 40 orang dibahagikan mengikut tiga shif (13-15 orang shif pagi, 12-14 orang shif petang dan 6 orang shif malam). Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari.

2. Ahli Jawatankuasa:

Nama Kumpulan : SIMPLY 5

2.1 Pembimbing

En Abd Rahim bin Yahaya, Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U10

2.2 Ahli Kumpulan

En Che Salman bin Ab Hamid, Penolong Pegawai Perubatan U7 (Ketua)

En Zakaria bin Nor, Penolong Pegawai Perubatan U6 (KUP)

En Gunasekaran a/l Krishnan, Pembantu Perawatan Kesihatan U1

Pn Elda Wati binti Kamaruddin, Pembantu Perawatan Kesihatan U1

Pn Siti Naqiah binti Aznan, Pembantu Perawatan Kesihatan U1

3. Penerangan Hasil Inovasi

3.1 Ringkasan Hasil Inovasi

Inovasi ini dihasilkan oleh cetusan idea dari Ketua Penyelia Hospital bersama pasukan Bahagian Penyeliaan Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

Self ePorter System merupakan satu sistem yang sangat efisien. Pemohon yang memerlukan perkhidmatan *Porter* hanya perlu *scan QR Code* di lokasi strategik dan mengisi data ringkas pesakit melalui *google form*. Setelah

pemohon mengisi data yang diperlukan, pemohon hendaklah menekan butang hantar dan semua petugas *Porter* akan menerima permohonan melalui aplikasi telegram. Petugas yang mengambil tugas tersebut akan menekan butang ***Job Accepted*** dengan segera melalui aplikasi telegram dan bergerak ke lokasi pemohon. Setelah tugas diselesaikan, petugas akan membuat pengesahan melalui telegram bahawa tugas telah selesai dengan menekan butang ***Job Completed***. Semua petugas *Porter* akan bertugas secara bergilir-gilir menerima tugas dan dipantau oleh Penyelia *ePorter*. Unit *Porter* beroperasi 24 jam sehari dengan 3 shif (pagi, petang dan malam)

Dengan adanya ***Self ePorter System*** ini, tugas dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan mengambil masa hanya 3-5 minit berbanding sebelum adanya sistem ini yang mengambil masa 15-20 minit.

3.2 Tarikh Inovasi dihasilkan

01 November 2024

3.3 Tujuan projek inovasi

A. Memudahkan penghantaran dan pengambilan pesakit dalam kawasan hospital.

Dengan adanya *Self ePorter System* ini, urusan penghantaran dan pengambilan pesakit dalam hospital dapat dipercepatkan seterusnya dapat mengelakkan kelewatan serta aduan (mengambil masa dalam 3-5 minit). Penghantaran dan pengambilan pesakit ini adalah seperti pergerakan pesakit untuk mendapatkan ujian pengimejan radiologi seperti imbasan CT (CT scan), imbasan MRI, dan lain-lain.

B. Permohonan secara *ad-hoc* (tidak dirancang lebih awal).

Terdapat permohonan penghantaran pesakit secara tiba-tiba atau tidak dirancang lebih awal. Dengan wujudnya *Self ePorter System* ini, maka pergerakan atau pemindahan pesakit akan menjadi lebih efisien dan tidak perlu menunggu lebih lama.

C. Keperluan katil di wad dapat dimobilisasikan segera secara strategik.

Kebanyakan Hospital Kerajaan sememangnya tidak terkecuali dari mengalami isu katil penuh (*bed lock*). Pelaksanaan *Self ePorter*

System membolehkan pesakit dapat dimobilisasikan ke lokasi yang lain yang sesuai dengan keadaan pesakit tersebut dengan segera tanpa menunggu PPK di wad yang sibuk dengan tugas sedia ada. Mobilisasi untuk mengosongkan katil pesakit dalam tempoh yang singkat ini membolehkan hospital memberikan perkhidmatan rawatan kepada pesakit lain dengan lebih efisien.

D. Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Pusat Rawatan Harian (*Daycare Services*)

Dengan wujudnya inovasi ini, perkhidmatan rawatan harian yang berkualiti dapat disampaikan kepada pesakit serta operasi perkhidmatan dapat berjalan dengan lancar. Masa menunggu serta masa untuk mendapatkan rawatan juga dapat dipercepatkan seterusnya dapat mengelakkan aduan awam. Oleh yang demikian mutu perkhidmatan untuk mendapatkan rawatan di Pusat Rawatan Harian (*Daycare*) dapat dipertingkatkan.

E. Memudahkan Pengurusan Pesakit

Dengan kemudahan *Self ePorter System* ini maka kemudahan pengurusan pesakit di setiap wad dan unit-unit berkaitan dapat dilaksanakan

3.4 Proses pelaksanaan inovasi

Proses ini dibuat secara *in-house* menggunakan kepakaran digital dari pasukan Bahagian Penyeliaan Hospital serta menggunakan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) sedia ada yang dimobilisasikan secara strategik dari wad-wad tertentu untuk dijadikan petugas *Porter* di Unit *Porter* Berpusat. Pembangunan sistem ini juga tidak melibatkan sebarang kos kewangan.

3.5 Proses sebelum dan selepas

3.5.1 Sebelum inovasi *Self ePorter System (SePS)*

Sebelum Inovasi ini dicipta, pengoperasian *Porter* adalah secara manual dimana kakitangan Wad, Unit dan Jabatan yang memerlukan perkhidmatan *Porter* akan membuat panggilan telefon ke *Help Desk* Unit *Porter* Berpusat dan memberikan maklumat pesakit secara ringkas sama ada untuk dihantar atau dirujuk ke sesuatu tempat

seperti pemindahan wad, pergerakan pesakit ke Jabatan Radiologi dan sebagainya. Semua maklumat yang diterima akan direkodkan secara manual.

Petugas *Help Desk* Unit *Porter* akan mengarahkan Pembantu Perawatan Kesihatan yang bertugas di Unit *Porter* untuk mengambil atau menghantar pesakit tersebut. Setelah menerima arahan tersebut, Pembantu Perawatan Kesihatan akan bergerak ke lokasi untuk melaksanakan tugas sebagai *Porter*. Proses ini mengambil masa 15-20 minit bagi satu kes.

Setelah selesai melaksanakan tugas, mereka akan kembali ke Unit *Porter* Berpusat di Aras 8 untuk menunggu tugas seterusnya.




3.5.2 Selepas wujudnya inovasi *Self ePorter System* (SePS)

Selepas inovasi diwujudkan iaitu menggunakan ***Self ePorter System***, proses permohonan bagi menggunakan perkhidmatan *Porter* menjadi lebih efisien serta pantas, dimana pemohon hanya perlu imbas kod QR untuk membuat tempahan dan tempahan tersebut akan terus diterima oleh semua Petugas *Porter* dengan serta merta melalui notifikasi aplikasi telegram.

Petugas *Porter* yang menerima tugas akan terus memberi maklum balas (*response*) melalui aplikasi telegram dengan menekan butang "***Job Accepted***" dan bergerak ke lokasi sehingga tugas selesai.

Setelah tugas selesai petugas *Porter* tersebut akan membuat pengesahan melalui aplikasi telegram tersebut dengan menekan butang "**Job Completed**".

Secara langsung, petugas *Porter* tidak perlu lagi berkumpul di Unit *Porter* Berpusat di Aras 8 untuk menerima tugas seterusnya. Mereka boleh berada di dalam kawasan hospital menunggu tugas selanjutnya melalui aplikasi telegram.



3.6 Elemen penurunan kuasa

Tidak melibatkan elemen penurunan kuasa

3.7 Kumpulan sasar dan skop liputan

Kumpulan sasaran adalah semua pesakit dalam (*inpatient*) di semua wad yang ingin dirujuk untuk tujuan rawatan, diagnostik dan sebagainya di dalam fasiliti hospital.

3.8 Impak inovasi terhadap kumpulan sasar

3.8.1 Elemen Inovatif / Kreatif

3.8.1.1 Penciptaan nilai / elemen baru / tambah baik

Inovasi *Self ePorter System* ini adalah hasil dari tambahbaik sistem yang lama iaitu *Porter* secara manual, dimana permintaan untuk menghantar dan mengambil pesakit dilakukan secara manual dan direkodkan. Proses sebelum ini mengambil masa selama 15 sehingga 20 minit untuk diselesaikan bagi seorang pesakit. Sistem lama juga memerlukan seorang pegawai di Kaunter *Help Desk* untuk menerima tempahan dan semua petugas *Porter* perlu berkumpul di Unit *Porter* Berpusat di Aras 8 untuk menunggu arahan tugas.

Manakala sistem baru tidak lagi memerlukan petugas di Kaunter *Help Desk* kerana tempahan boleh dilakukan hanya menggunakan kod QR dan permohonan *Porter* akan terus melalui aplikasi telegram yang boleh diakses oleh semua petugas *Porter* dan Penyelia *Porter*.

3.8.1.2 Elemen mempermudah / penyelesaian masalah dll

Self ePorter System dapat mempercepatkan proses tempahan dengan cara imbas kod QR menggunakan telefon pintar masing-masing serta mengisi maklumat tempahan melalui *google form* dan tekan butang hantar. Petugas *Porter* akan menerima tugas dengan segera melalui aplikasi tanpa menunggu arahan daripada Penyelia *Porter*.

3.8.2 Elemen keberkesanan

3.8.2.1 Gambar faedah yang nyata diperolehi

- a. Permohonan *Porter* untuk menghantar pesakit menggunakan kod QR.




QR PERMOHONAN
SELF ePORTER SYSTEM VERSI 2.0



MOHON KAKITANGAN YANG BERTUGAS DI WAD /
KLINIK DAN PROSEDUR UNTUK SCAN DAN MENGGISI
BORANG YANG DISEDIAKAN.

- b. Petugas *Porter* (beruniform putih) menghantar pesakit ke tempat yang ditentukan mengikut permintaan.



3.8.2.2 Peningkatan produktiviti / kepuasan

Belum dapat dilaksanakan kajian kepuasan pelanggan secara rasmi kerana **Self ePorter System** baru bermula pada 01 November 2024. Namun begitu maklumbalas secara lisan telah menunjukkan sistem ini amat efisien dimana proses kerja menghantar dan mengambil pesakit menjadi lebih mudah dan pantas. Dibuktikan melalui video yang disertakan bersama.

3.8.2.3 Penjanaan pendapat

Sistem ini boleh dikongsikan kepada Hospital-Hospital lain yang mempunyai Sistem *Porter* secara manual

3.8.3 Elemen Signifikan

3.8.3.1 Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan.

Self ePorter System amat mesra pelanggan dimana pelanggan yang memerlukan perkhidmatan penghantaran dan pengambilan pesakit hanya perlu imbas kod QR yang disediakan menggunakan telefon pintar masing-masing dan mengisi data ringkas pesakit di dalam *google form* tersebut lalu menekan butang hantar. Segala maklumat akan diterima oleh petugas *Porter* dan Penyelia *Porter* melalui group aplikasi telegram *Self ePorter System* dan mempunyai rekod di dalam *goggle drive*.

3.8.3.2 Penjimatan masa / kos / sumber manusia

Penjimatan masa dapat dicapai dimana sebelum menggunakan inovasi ini adalah 15 sehingga 20 minit dan selepas menggunakan *Self ePorter System* hanya mengambil masa 3 sehingga 5 minit. Tiada kos kewangan yang digunakan untuk membangunkan sistem ini kerana ianya direka dan dibangunkan oleh kakitangan yang bertugas di bawah Bahagian Penyeliaan Hospital. Manakala daripada penjimatan daripada aspek sumber manusia, dengan pelaksanaan inovasi ini, satu kakitangan di Kaunter *Help Desk* dapat digunakan untuk tujuan lain

serta kakitangan yang bertugas di Unit *Porter* Berpusat ini juga adalah sumber manusia kakitangan yang sedia ada.

3.8.3.3 Sejauh mana ianya memenuhi objektif inisiatif ini diambil

- a. Dokumentasi permohonan secara atas talian sama ada menggunakan telefon bimbit atau komputer.
- b. Penghantaran pesakit dapat disegerakan walaupun petugas *Porter* berada di tempat lain (sama seperti Grab Food System).
- c. Melalui SePS ini, data boleh diperolehi melalui Data Order.
 - ⇒ Statistik jumlah penghantaran kes.
 - ⇒ Masa yang diambil dari mula penghantaran sehingga tamat.
- d. Tidak perlu kakitangan untuk menjadi perantara/moderator.
- e. Tidak melibatkan kos kewangan dan sumber manusia tambahan.
- f. Maklumat penghantaran pesakit yang jelas dipaparkan dalam aplikasi telegram ***Group Self ePorter System***.
- g. Penghantaran pesakit menjadi lebih cepat dan efisien.

3.8.4 Elemen Relevan

3.8.4.1 Sumbangan kepada agenda organisasi / nasional

Self ePorter System amat menyumbang kepada kecekapan menguruskan masa dengan menjadikan pengurusan penghantaran dan pengambilan pesakit dengan lebih pantas dan tidak membuang masa petugas lain, ini dapat dibezakan dengan masa yang diambil sebelum dan selepas inovasi dijalankan melalui data *order* dilampiran.

3.9 Pengiktirafan diterima

Inovasi ini belum pernah dipertandingkan namun telah mendapat penghargaan melalui komen dari kakitangan yang menggunakan khidmat *Porter*. Penghargaan ini dibuktikan melalui video rakaman serta disokong juga dengan kajian yang telah diadakan melalui soal selidik terhadap pengguna perkhidmatan Self ePorter System. Kajian ini dapat membuktikan inovasi ini amat positif dan diterima baik oleh semua pengguna. Hasil kajian adalah seperti dilampiran.

3.10 Gambar-gambar berkaitan

- A. Petugas *Porter* (beruniform putih [atas] dan berbaju scrub hospital [bawah]) menghantar pesakit ke lokasi.



3.11 Implikasi kewangan

Tidak melibatkan implikasi kewangan kerana *Self ePorter System* menggunakan kepakaran digital dari kakitangan Bahagian Penyeliaan Hospital Tengku Ampuan Rahimah sendiri. Tenaga kerja *Porter* menggunakan kakitangan sedia ada yang bertugas tiga shif setiap hari bersamaan 24 jam setiap hari.

3.12 Lampiran

3.12.1 Statistik Penggunaan Perkhidmatan *Porter* (Penghantaran dan Pengambilan Pesakit) Sebelum Inovasi



*Penggunaan perkhidmatan *Porter* sebelum inovasi adalah di bawah paras 3500 permohonan bagi setiap bulan.

3.12.2 Statistik Penggunaan Perkhidmatan *Porter* (Penghantaran dan Pengambilan Pesakit) Selepas Inovasi



*Selepas inovasi dilaksanakan, perkhidmatan *Porter* menjadi lebih efisien dan dapat memenuhi permintaan permohonan melebihi 5000 permohonan setiap bulan dengan tenaga kerja yang sama.

3.12.3 Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Pengguna *Self ePorter System*

- i. Menggunakan *Self ePorter System* lebih mudah dan menjimatkan masa permohonan perkhidmatan Porter berbanding secara manual

Soalan 1: Kajian kepuasan pelanggan *Self ePorter System*



- ii. Response Petugas Porter untuk mengambil kes yang dipohon melalui *Self ePorter System* lebih cepat berbanding sistem manual

Soalan 2: Kajian kepuasan pelanggan *Self ePorter System*



- iii. Sistem *Self ePorter System* ini adalah lebih efisien berbanding sistem manual

Soalan 3 : Kajian kepuasan pelanggan *Self ePorter System*



- iv. *Self ePorter System* ini boleh di kongsi kepada Hospital atau PKD yang menggunakan sistem manual untuk menjadikan perkhidmatan yang diberikan lebih cekap, pantas, berkesan seterusnya rawatan pesakit dapat disegerakan

Soalan 4 : Kajian kepuasan pelanggan *Self ePorter System*



Hasil analisa data yang telah diperolehi dari soal selidik yang dilakukan menggunakan *google link* pada 10 April 2025 seramai 179 responden telah memberikan maklumbalas kepada empat soalan yang diberikan dengan menggunakan skala 1-5.

Skala 1 - Sangat tidak setuju

Skala 2 - Tidak setuju

Skala 3 - Tidak pasti

Skala 4 - Setuju dan,

Skala 5 - Sangat setuju

Skala 1-3 dikira tidak berpuashati dengan *Self ePorter System* dan Skala 4-5 dikira sebagai bersetuju serta mengakui *Self ePorter System* adalah lebih efisien, pantas serta amat mesra pengguna.

Responden yang kurang bersetuju telah memberikan skala 1-3 adalah sejumlah 13.87% manakala yang bersetuju serta berpuas hati memberikan skala 4-5 adalah sejumlah 86.13%. Daripada hasil soal selidik ini didapati *Self ePorter System* ini amat baik serta efisien.

3.12.4 Statistik tugas yang diterima oleh petugas Porter secara individu.

Inovasi ini membolehkan Penyelia Porter memantau bilangan tugas yang diambil oleh setiap Porter secara individu.

LAPORAN PEMANTAUAN ePORTER PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL, HTAR KLANG

TARIKH	3/4/2025		HARI	KHAMIS	
LOKASI	PORTER				
SYIF BIL	AM (7AM - 2PM) NAMA	SYIF BIL	PM (2PM - 3PM) NAMA	SYIF BIL	ON (3PM - 7.30 AM) NAMA
1.	MASYAR 7	1	ALYAN 4	1	ALYAN 1
2.	AZKINA 7	2	NAKHA 7	2	NAKHA 2
3.	HAKIM 23	3	NAZIMAH 8	3	NAZIMAH 5
4.	MIRA 7	4	HAZIL 3	4	HAZIL 2
5.	NABILA 10	5	HAZIL 4	5	HAZIL 2
6.	AZURA 14	6	NAZIMAH 6	6	HAZIL 1
7.	AISYAH 13	7	HAZIL 5		
8.	FARAH 12	8	NAZIMAH 3		
9.	KHAZIMAH 6	9	HAZIL 7		
10.	DHAYANAH 11	10	HAZIL 2		
11.	RODRI 3	11	HAZIL (U) 3		
12.	FADZAL (K) 6	12	HAZIL (U) 2		
13.	NADIL (K) 7	13	HAZIL (U) 1		
14.	FADZERA (SERVE) 11				
15.	NADIAHUL 11				

3.12.5 Laporan masa yang diambil oleh petugas Porter untuk menyelesaikan setiap kes secara manual menunjukkan antara 20-40 minit

BORANG PERGERAKAN PPK POTER, BAHAGIAN PENYELAJ HOSPITAL HTAR									
TARIKH	27/01/2024	MASA	WP	EPAS	ETANG	MALAM	Sabtu		
UNIT/LOKASI	PORTER MEDICAL						7am-2pm		
KETUA									
ANGGOTA BERTUGAS				ANGGOTA TIDAK HADIR BERTUGAS				CATATAN	
BIL	NAMA PPK			BIL	NAMA PPK			THB/EL	
1.	MOGAAN								
2.	VICKENESWARIE								
3.	HELMY								
4.	WAN HALIMATU								
PERGERAKAN PPK SETIAP SYIF / WP 10-8 May-1 CPD-1									
BIL	NAMA PEMOHON	MASA TERIMA	NAMA PESANGT	MIRN	NAMA PPK	DARI	KE	WC/ KATIL	MASA BALIK
1	SN SHAHIRAH	04 7 AM	MARINA	228 421	MOGAAN	29	HD WC	6 K	7.45
2	SN SHAHIRAH	04 7 AM	CHU WAH	2288 152	HELMY	29	HD	33 K	7.30 am
3	Farah	06 7 am	Roplis	2287 887	VICKI	7C	HD	10 WC	7.40
4	SN Awani	04 7 am	Ibris	2286 287	VICKI	2B	HD	38 WC	7.49
5	SN Awani	04 7 am	Johari	2288 757	WAN	2B	HD	40 WC	7.30 am
6	SN Awani	04 7	Ang Hua Seng	2289 422	MOGAAN	2B	HD	52 WC	7.49
7	afra	7 13	Yap mei tang	228 6868	HELMY	6B	HD	3 WC	7.40 am
8	SN afra	7 13	Haim Ph Kim	228 9512	WAN	6B	HD	4 WC	7.45 am
9	SN SHI	50 8 am	YUAN	2290 008	VICKI	8A	CPD WC	32	9 am
10	SN SHI	21 9 am	ROHAYAH	228 9690	MOGAAN	8A	XRAY WC	53	9.56 am
MAKLUMAT: 41.44 2A-11 7C-2 XRAY-9 CPD-3 WC-32 2B-4 8A-61 10-20 K-9 6B-7 8B-61 17-3 DI SEMAK OLEH: 29 JAN 2024 DI SAKKAN OLEH:									

(Laporan terperinci boleh diakses melalui Data Order di dalam goggle drive)

[illegible]

3.12.7 Pautan Video Inovasi *Self ePorter System*

<https://drive.google.com/file/d/1tufQHB0ANssQ5Qt23zWn25asZ6tU-xA/view?usp=drivesdk>

Alternatif

Imbas Kod QR untuk menonton Video Inovasi Perkhidmatan *Self ePorter System*



4. Penutup

Inovasi *Self ePorter System* yang digunakan oleh petugas *Porter* di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang telah berjaya memenuhi objektif yang ditetapkan. *Self ePorter System* ini telah memudahkan pengguna untuk memohon perkhidmatan *Porter* untuk tujuan mobilisasi strategik pesakit (pengambilan dan penghantaran), menjimatkan masa untuk mendapatkan *response* daripada petugas *Porter* daripada 15 sehingga 20 minit bagi setiap permohonan kepada 3 sehingga 5 minit sahaja, penghasilan rekod perkhidmatan secara terperinci dan kemas melalui *Data Order* di dalam *Google Drive*, dan membolehkan penggunaan perkhidmatan *Porter* meningkat setiap bulan sejajar dengan peningkatan tahap kecekapan (*efficiency*) perkhidmatan *Porter* melalui inovasi ini tanpa melibatkan sebarang kos kewangan dan menggunakan sumber tenaga manusia sedia ada.



SENARAI TUGAS UNIT PERKHIDMATAN PORTER (0700H-2100H)

Tugas-Tugas Hakiki:

1. Penghantaran pesakit rujukan wad ke Klinik Pakar dengan kerusi roda/troli.
2. Penghantaran pesakit wad untuk Echo dengan kerusi roda/troli.
3. Penghantaran pesakit wad untuk x-ray dengan kerusi roda/troli.
4. Penghantaran pesakit wad untuk CT scan dengan kerusi roda/troli ditemani staf wad
5. Penghantaran pesakit wad untuk MRI dengan kerusi roda/troli ditemani staf wad
6. Penghantaran pesakit wad untuk ultrasound dengan kerusi roda/troli ditemani staf wad
7. Penghantaran pesakit ke OT dengan kerusi roda/troli dengan staf wad
8. Penghantaran pesakit Klinik Psikiatri dengan kerusi roda/troli ditemani staf wad.
9. Penghantaran pesakit wad ke Jab. Nefrologi dengan kerusi roda/troli.
10. Penghantaran pesakit ke Fisio dengan kerusi roda/troli.
11. Penghantaran pesakit ke CAPD dengan kerusi roda/troli.
12. Penghantaran pesakit ke ICU ditemani staf wad dengan troli
13. Penghantaran pesakit dari wad ke wad (T/O).

Catatan :

14. *Pesakit yang **akut dan subakut** haruslah **ditemani staf wad***
15. *Pesakit yang menggunakan **oksigen** haruslah **ditemani staf wad***
16. *Pesakit yang memerlukan **passover** di tempat lain harus **ditemani staf wad***
17. *Pesakit yang menggunakan **troli (stretcher)** haruslah **ditolak 2 staf** sebagai contoh 2 staf porter ataupun 1 porter 1 staf wad*
18. *Pada satu masa, hanya **seorang pesakit** boleh ditolak oleh **seorang porter**, Rombongan **Penghantaran Pesakit secara pukal** oleh satu porter adalah **DILARANG**.*
19. *Sekiranya tempahan penghantaran pesakit dibuat oleh wad bagi **pesakit yang belum bersedia**, **Incaj Porter** dibenarkan membuat keputusan untuk **menolak kes** tersebut dan tempahan baru harus dibuat semula oleh wad.*

MAZLAN  ZAKARIYA
No. Pendaftaran Penuh PPP: 5739
Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

02 DEC 2024



SENARAI TUGAS UNIT PERKHIDMATAN PORTER (2100H-0730H)

Tugas-Tugas Hakiki:

- 20. Penghantaran pesakit wad untuk x-ray dengan kerusi roda/troli.
- 21. Penghantaran pesakit wad untuk CT scan dengan kerusi roda/troli ditemani staf wad
- 22. Penghantaran pesakit wad untuk MRI dengan kerusi roda/troli ditemani staf wad
- 23. Penghantaran pesakit ke OT dengan kerusi roda/troli dengan staf wad.
- 24. Penghantaran pesakit ke ICU ditemani staf wad dengan troli
- 25. Penghantaran pesakit dari wad ke wad (T/O).

Tugas-Tugas Porter MALAM sahaja:

- 26. Pengambilan Permit Kubur (*Burial Permit*) dari Jabatan Forensik
- 27. Penghantaran mayat *Body* atau anggota badan ke Jabatan Forensik
- 28. Penghantaran laporan (*Census*) wad jam 12AM kepada Ketua Jururawat atas panggilan.
- 29. Penghantaran spesimen 12.30AM

Catatan :

- 30. *Pesakit yang **akut dan subakut** haruslah **ditemani staf wad***
- 31. *Pesakit yang menggunakan **oksigen** haruslah **ditemani staf wad***
- 32. *Pesakit yang memerlukan **passover** di tempat lain harus **ditemani staf wad***
- 33. *Pesakit yang menggunakan **troli (stretcher)** haruslah **ditolak 2 staf*** (1 ppk porter dan 1 staf wad)
- 34. *Pada satu masa, hanya **seorang pesakit** boleh ditolak oleh **seorang porter, Rombongan Penghantaran Pesakit secara pukal** oleh satu porter adalah **DILARANG**.*
- 35. *Sekiranya tempahan penghantaran pesakit dibuat oleh wad bagi **pesakit yang belum bersedia, Incaj Porter** dibenarkan membuat keputusan untuk **menolak kes** tersebut dan tempahan baru harus dibuat semula oleh wad.*

MAZLAN  ZAKARIYA

No. Pendaftaran Penuh PPP: 5739

Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang


02 DEC 2024

BUTIR-BUTIR KEHADIRAN MESYUARAT
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN

A. KETERANGAN AM

1. Jabatan : BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL
2. Tajuk Mesyuarat : TAKLIMAT SISTEM EPORTER
3. Tarikh Mesyuarat : 28-11-2024 @ 1130 H 4. Waktu : 11:30 am
5. Tempat : BILIK MESYUARAT PEJABAT PENYELIA

B. BUTIR-BUTIR KEHADIRAN

Bil	Nama Pegawai Yang Hadir	Jawatan	Kehadiran		Tandatangan
			Sendiri	Wakil	
1.	ESTIHAR BIN AHMAD SABER	JXR	✓		
2.	AZWAN ZALALIA	JRL	✓		
3.	MOHD FAIR JOHARI	PPP 42	✓		
4.	MOHD JEFFRY MOHD SATI	JXR 442	✓		
5.	Nur Adhiana Rahim	PKSP 541	✓		
6.	Norma Inti Ibrahim	UJ 432	✓		
7.	MARIANI AHMAD	UJ 432	✓		
8.	Mohd. Firdausi	PPP 432	✓		
9.	Che Salwan Ab Hamid	PPP 432	✓		
10.	Mohd Masri B. Che Ali	PPP 432	✓		
11.	Mohd Isma Raja Ismail	PPP 432	✓		
12.	SHAHRIANAFY B. SHARIF	PPP 432	✓		
13.	MHD ANWARUDIN B. JUMAL	PPP 432	✓		
14.	MOHD FAUZI Bin Ahmad	PPP 441	✓		
15.	Ahmad Suhaimi B. Mohd Din	PPP 432	✓	✓	
16.	Noorbaniah Maw	SAI 432	✓		
17.	Nor Haliza Raja Ismail	KJ 432	✓		
18.	Noraila bt Arbai	SN 439	✓		
19.	Mohamed Samad B. Ahmad	PPP 436	✓		
20.					
21.					
22.					

BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL

**BUTIR-BUTIR KEHADIRAN MESYUARAT
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

A. KETERANGAN AM

1. Jabatan : BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL
2. Tajuk Mesyuarat : TAKLIMAT SELF REPORTER SYSTEM
3. Tarikh Mesyuarat : 22-11-2024 4. Waktu : 0900H.
5. Tempat : BILIK MESYUARAT PERDANA.

B. BUTIR-BUTIR KEHADIRAN

Bil	Nama Pegawai Yang Hadir	Jawatan	Kehadiran		Tandatangan
			Sendiri	Wakil	
1.	MAZLAN B/N ZAKARIYA	PPP U44	✓		
2.	Harbul Muslimin Zakari	PPP U41	✓		
3.	Ibrahim Bin Mat Nahi	PPP U32	✓		
4.	ZAKARIA B/N NOOR	PPP U32	✓		
5.	GUNASEKARAN KRISHNAN	PPK U16	✓		
6.	Eida Wati Minti Kamarudin	PPK U14	✓		
7.	Nor Zahara Wati Omar	PJ U42	✓		
8.	Rajasulogana AP Rayu	PJ U36	✓		
9.	Fauziah Bt Mohd Rasyid	PJ U42	✓		
10.	Sarasvathy Batumalay	KJ U32	✓		
11.	Rusyoni bt Haron	KS U32	✓		
12.	Raj Ngile Kew	PT U36	✓		
13.	Norison Binti Mustaffa	KJ U32	✓		
14.	Haminah Binti Besar	KJ U32	✓		
15.	Hismatunisa Md Johan	KJ U32	✓		
16.	Norhalisa Mat Isa (IA)	KJ U32	✓		
17.	Uw Karson Kasir	KJ U32	✓		
18.	Azlinde M. Rahman	KJ U32	✓		
19.	Anthony Anna	PJ U36	✓		
20.					
21.					
22.					

BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL

**BUTIR-BUTIR KEHADIRAN MESYUARAT
HOSPITAL TENKU AMPUAN RAHIMAH
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

A. KETERANGAN AM					
1.	Jabatan	: <u>BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL</u>			
2.	Tajuk Mesyuarat	: <u>SELF REPORTER SYSTEM</u>			
3.	Tarikh Mesyuarat	: <u>21.10.2024</u>	4.	Waktu	: <u>1430 H</u>
5.	Tempat	: <u>Bilik PENYELIAAN</u>			

B. BUTIR-BUTIR KEHADIRAN					
Bil	Nama Pegawai Yang Hadir	Jawatan	Kehadiran		Tandatangan
			Sendiri	Wakil	
1.					
2.	Haridoh Ab. Rahim	AD 441	✓		
3.	Goh May Leng	PT 442	✓		
4.	Cressida Christy Duing	KJ 432	✓		
5.	NOR Erma Liana Bt Mohamed Saib	KJ 432	✓		
6.	Wan Sofi Binti Hj. Mohd. Sali	TRK	✓		
7.	Norzenha Roseli	KJ 432	✓		
8.	Munira binti Mohamed Rahim	KJ 432	✓		
9.	NUR Atikah BT ABDEL RAHMAN	FJ 432	✓		
10.	Masdiana Ayurafida Samsudin	KJ 432	✓		
11.	MARYATUL MARYAM BINTI ABDULLAH	KJ 432	✓		
12.	Maniappan RAMASUNDARAN	PPP 442	✓		
13.	Amzanthu Waz	KJ 432	✓		
14.	Nor Iszefi Mohd Azhar	KJ 432	✓		
15.	Eida Wati Binti Kamaludin	414	✓		
16.					
17.					
18.					
19.					
20.					
21.					
22.					

BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL

**BUTIR-BUTIR KEHADIRAN MESYUARAT
HOSPITAL TENKU AMPUAN RAHIMAH
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

A. KETERANGAN AM

1. Jabatan : BAHAGIAN PENYELIA HOSPITAL
2. Tajuk Mesyuarat : PORTER MEDIKAL
3. Tarikh Mesyuarat : 21/10/24 4. Waktu : 730 AM
5. Tempat : MILIK PENYELIA

B. BUTIR-BUTIR KEHADIRAN

Bil	Nama Pegawai Yang Hadir	Jawatan	Kehadiran		Tandatangan
			Sendiri	Wakil	
1.	MUHAMMAD ARIF BIN RADJ	GPED VII	/		<i>Arif</i>
2.	MOHAMMAD HELMI ARIFF B. MOHAMMAD ZAKI	GPED VII	/		<i>[Signature]</i>
3.	FATIMAH SYAMIMI BINTI KARJIN	GPED VII	/		<i>S.</i>
4.	SITI RAQIAH BINTI AZNAN	GPED VII	/		<i>[Signature]</i>
5.	VINCEVARY A/P ARUNASALAM	GPED VII	/		<i>[Signature]</i>
6.	MOHD FARISSAH BIN PRAMLI	PPK VII	/		<i>[Signature]</i>
7.	MOHAMMAD SAUFI BIN ABD KADIR	PPK VII	/		<i>[Signature]</i>
8.	MUHAMMAD NUR HELMI BIN RIZMAN	PPK VII	/		<i>Helmy</i>
9.					
10.					
11.					
12.					
13.					
14.					
15.					
16.					
17.					
18.					
19.					
20.					
21.					
22.					

BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL



MEMO
BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH KLANG

Kepada : Seperti dilampiran A,
Daripada : En. Mazlan Bin Zakariya,
Ketua Penyelia Hospital
Salinan : Ketua Penyelia Jururawat Hospital
Tarikh : 18.10.24 hb. Oktober 2024
Rujukan Fail : Bil (57) HTAR/110/12-06-01
Perkara : TAKLIMAT PERKHIDMATAN SELF ePORTER SYSTEM
(SePS) HTAR, KLANG

Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Taklimat tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 21 Oktober 2024
Masa : 2.30 Petang – 4.00 Petang
Tempat : Bilik Perbincangan Penyeliaan.

3. Di mohon kerjasama dan jasa baik Puan untuk memberi pelepasan kepada pegawai yang terlibat dan di minta hadir bersama 2 wakil dari Penyelia Jururawat Medikal untuk turut serta di dalam taklimat ini. Kerjasama dan perhatian Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.


.....
(En.Mazlan Bin Zakariya)
Ketua Penyelia Hospital (No Pendaftaran : 5739)
Penolong Pegawai Perubatan U44
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

MAZLAN BIN ZAKARIYA
No. Pendaftaran Penuh PPP: 5739
Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang



MEMO
BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH KLANG

Kepada : Seperti dilampiran A,
Daripada : En. Mazlan Bin Zakariya,
Ketua Penyelia Hospital
Salinan : Ketua Penyelia Jururawat Hospital
Tarikh : 18.10.24 hb. Oktober 2024
Rujukan Fail : Bil (57) HTAR/110/12-06-01
Perkara : TAKLIMAT PERKHIDMATAN SELF ePORTER SYSTEM
(SePS) HTAR, KLANG

Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Taklimat tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 21 Oktober 2024
Masa : 2.30 Petang – 4.00 Petang
Tempat : Bilik Perbincangan Penyeliaan.

3. Di mohon kerjasama dan jasa baik Puan untuk memberi pelepasan kepada pegawai yang terlibat dan di minta hadir bersama 2 wakil dari Penyelia Jururawat Medikal untuk turut serta di dalam taklimat ini. Kerjasama dan perhatian Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.


.....
(En.Mazlan Bin Zakariya)
Ketua Penyelia Hospital (No Pendaftaran : 5739)
Penolong Pegawai Perubatan U44
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, KLANG.

MAZLAN BIN ZAKARIYA
No. Pendaftaran Penuh PPP: 5739
Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan U44
Bahagian Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, KLANG

Disediakan oleh:

Nama : Abd Rahim bin Yahaya

Telefon : 010-4545 207

Pejabat : 03-33757000 samb: 1515

E-mel : ma_rahim@moh.gov.my